

# AFTA: Kerajaan sedia garis panduan tampung hilang hasil

UM 9 NOV 2002

KUALA LUMPUR 8 Nov. — Kerajaan sedang menyediakan garis panduan untuk pengenaan langkah berbentuk cukai dan bukan cukai bagi menampung kehilangan hasil akibat pengurangan duti import kenderaan apabila pasaran kereta tempatan dibuka pada 1 Januari, 2005.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, kerajaan tidak semestinya mengenakan langkah-langkah berkaitan cukai tetapi sesuatu yang selari dengannya.

Beliau berkata, untuk mengenakan cukai, kerajaan mempunyai masa dua tahun lagi bagi memutuskan bentuk cukai yang boleh diambil untuk menampung kehilangan hasil akibat pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) itu.

"Langkah-langkah ini masih belum lagi diputuskan oleh kerajaan," kata Rafidah selepas taklimat media bulanan kementeriannya di sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas mengenai jangkaan orang ramai bahawa harga kereta akan turun secara

drastik apabila AFTA dilaksanakan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, walaupun cukai import kereta dari negara ASEAN diturunkan kepada hanya lima peratus, kerajaan akan mengenakan cukai-cukai lain.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, langkah itu akan membolehkan kerajaan mendapatkan hasil negara yang hilang akibat pengurangan cukai import itu.

Di bawah AFTA Malaysia, Malaysia sepatutnya mengurangkan tarif terhadap unit kenderaan komponen terurai (CKD) dan kenderaan siap bina (CBU) kepada 20 peratus menjelang 1 Januari 2003 tetapi ia telah mendapat kelulusan daripada anggota ASEAN untuk menangguhkannya memandangkan industri automotif tempatan terjejas teruk ekoran krisis kewangan pada 1997.

Malah Rafidah berpendapat, negara ASEAN lain juga akan mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengimbangi kehilangan hasil daripada cukai yang dikenakan sebelum ini.